

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 09/09/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 39
Tajuk : 50 koperasi sekolah capai RM1j

50 koperasi sekolah capai RM1j

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) menyasarkan sebanyak 50 koperasi sekolah mampu mencapai pendapatan mencecah RM1juta menjelang tahun depan.

Pengerusinya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sasaran tersebut adalah realistik memandangkan terdapat enam buah koperasi sekolah telah berjaya mencapai tahap tersebut.

Katanya, ia termasuk Koperasi MRSM Kepala

Batas, Pulau Pinang; Koperasi MRSM Kubang Pasu, Kedah; Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah, Kelantan; Koperasi MRSM Batu Pahat, Johor; Koperasi MRSM Tun Abdul Razak, Pekan dan Koperasi Sekolah Menengan Kebangsaan Kota, Kota Bharu.

“Setakat ini dianggarkan 38 daripada daripada 2,421 koperasi sekolah di seluruh negara telah mencapai perolehan lebih RM800,000.

“Koperasi sekolah perlu diberikan perhatian kerana ia merupakan platform terbaik dalam

melahirkan usahawan pada masa akan datang, selari dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan menjelang tahun 2030,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Penutup Karnival Kolej Vokasional Shah Alam di sini baru-baru ini.

Berdasarkan statistik sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 2,421 koperasi sekolah dengan ahli mencecah lebih 1.6 juta telah menyumbang perolehan berjumlah RM400 juta dengan pemilikan aset sebanyak

RM365 juta.

Menurut Abdul Fattah, kesemua koperasi sekolah diharapkan dapat meningkatkan jualan barangan berasaskan makanan dalam usaha melestarikan peranan koperasi itu sendiri untuk membantu ahlinya.

“Angkasa melihat koperasi sekolah bersesuaian dalam mendidik kerana struktur pimpinan termasuk ahli lembaganya adalah dalam kalangan guru dan pelajar.

“Hal ini memudahkan guru untuk membimbing pelajar dalam ilmu keusahawanan,” katanya.



ABDUL Fattah (kanan) melawat gerai pameran selepas merasmikan Karnival Kolej Vokasional Shah Alam 2019 baru-baru ini.